

## ABSTRAK

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang telah melahirkan seramai 11,130 orang graduan Ijazah Pertama dalam pelbagai bidang melalui pengajian secara jarak jauh. Sistem pengajian ini telah menggunakan kepelbagaian media pengajaran dalam proses pembelajarannya. Kaedah utama yang digunakan ialah pengajaran melalui buku teks yang dikenali sebagai Siri Pendidikan Jarak Jauh. Penglibatan pusat pengajian ini dalam penerbitan bermula pada tahun 1982 lagi apabila Edisi Awal diterbitkan. Sehingga kini hampir 100 judul dalam pelbagai bidang pengajian telah berjaya diterbitkan. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meninjau keseluruhan penglibatan pusat pengajian ini dalam penerbitan siri ini yang melibatkan tiga penerbit iaitu Penerbit USM, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Uusan Publications & Distributors (UP&D). Tinjauan yang dilakukan meliputi aspek-aspek proses, pengurusan, sumber tenaga, teknologi, kos dan pemasaran. Pengkaji telah menggunakan kaedah penyertaan, pemerhatian dan penilaian melalui pengalaman pengkaji bertugas selama 18 tahun di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh. Kajian ini telah dapat mengumpulkan maklumat tentang bagaimana penerbitan secara kerjasama antara dua penerbit dapat dilaksanakan. Hasil usahasama dengan penerbit terkemuka ini telah berjaya menghasilkan buku teks yang berkualiti yang digunakan oleh lebih 4,000 orang pelajar di seluruh negara. Usaha penerbitan ini masih lagi diteruskan dan usaha mempertingkatkaninya dilakukan dari masa ke masa untuk memenuhi keperluan menghasilkan buku-buku berkualiti untuk pelajar pengajian jarak jauh.

## ABSTRACT

Universiti Sains Malaysia, Penang has produced a total of 11,130 First Degree graduates in various field of education thru distance education. The education system uses multimedia approach in the teaching-learning process. The main teaching methodology used is the text book called Distance Education Serries. The involvement of the school in publishing started in 1982 when Early Edition was being published. Until now the school had produced nearly 100 titles in various field of education. The research ia done to view the whole aspects of publication of the serries with three different publisher known as the Penerbit Universiti Sains Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka and Utusan Publication & Distributors (UP&D). The research includes the whole aspects of publishing such as the process, management, human resource, technology, cost and marketing. The in depth research method ia being used whereby the researcher uses her 19 years experience working at the School of Distance Education. The joint venture publication had successfully produced quality books for the used of more than 4,000 students over the whole Malaysia. The efford is being continued and from time to time the whole aspects will be upgraded to fullfill the need to produce more quality books for the students of distance education.